

SC Pharma Eusol Solution Max A & B

Mengandungi: Chlorinated Lime 2.5% w/v, Glacial Acetic Acid 1.2%w/v

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*
2. Bagaimana *SC Pharma Eusol Solution Max A & B* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*
4. Cara menggunakan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*
5. Semasa menggunakan *Clecare Eusol Solution A&B*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor Siri

1. Apakah kegunaan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*

Sebagai pembasmi kuman untuk pembersihan luka dan ulser.

2. Bagaimana *SC Pharma Eusol Solution Max A & B* berfungsi

Apabila bersentuhan dengan kulit, larutan *Eusol* akan mengeluarkan klorin yang baru muncul sebagai agen untuk memisahkan tisu yang sudah mati daripada ulser yang dijangkiti, luka, luka terbakar, dan luka baring. Ia akan membunuh sel-sel epitelium, fibroblas, neutrofil dalam kultur tisu. *Eusol* adalah bersifat asid, oleh itu, ia adalah berkesan dalam luka yang dijangkiti bakteria *Pseudomonas*.

3. Sebelum mengambil *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*

Bila tidak boleh mengambil
Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan produk tersebut.

Sebelum mula mengguna

- Dapat nasihat daripada doctkor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda hamil atau sedang menyusu.
- Mengaplikasikan satu titis di sebahagian permukaan kulit bagi semakan sensitiviti.
- Jika mengambil ubat-ubat lain
Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas.

Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

4. Cara menggunakan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*

Berapa banyak harus digunakan

Campurkan *Eusol* (Larutan A) dan *Eusol* (Larutan B) dalam isipadu yang sama sebelum guna.

Untuk kegunaan luar sahaja.

Bila perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa menggunakan
Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

5. Semasa menggunakan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*

Perkara yang perlu dilakukan
Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan daripada terkena mata dan luka terbuka. Jauhkan daripada kanak-kanak.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, elak gunakan *SC Pharma Eusol Solution Max A & B*, kecuali atas arahan doktor.

6. Kesan-kesan sampingan

Untuk kegunaan luar sahaja. *Chlorinated Lime* boleh melarutkan bekuan darah dan menyebabkan pendarahan. Ia mungkin boleh menyebabkan alergi bila bersentuhan dengan kulit.

SC Pharma Eusol Solution Max A & B

Mengandungi: *Chlorinated Lime 2.5% w/v, Glacial Acetic Acid 1.2%w/v*

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

7. Cara penyimpanan SC Pharma Eusol Solution Max A & B

Penyimpanan

Simpan pada tempat yang kering dan sejuk, iaitu pada suhu di bawah 30°C.

Jauhkan dari cahaya dan kelembapan..

Jangan simpan dan mesti habiskan larutan selepas mencampurkan A dengan B.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

8. Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Larutan A: Cecair yang tidak berwarna atau kekuningan dengan bau ciri klorin.

Larutan B: Cecair yang tidak berwarna dengan bau asid asetik yang ringan.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
 - Chlorinated Lime*
 - Glacial Acetic Acid*
- Bahan Tidak Aktif
 - Sodium Acetate*
 - Purified water*

Nombor MAL
MAL18086098XC

9. Pengilang

Sanchuan Medical Sdn. Bhd.

72, Lengkok Rishah 2, Taman Rishah, Kawasan Perindustrian Silibin, 30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

10. Pemegang Pendaftaran

Produk

Sanchuan Medical Sdn. Bhd.

72, Lengkok Rishah 2, Taman Rishah, Kawasan Perindustrian Silibin, 30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

11. Tarikh kemaskini RiMUP

22.3.2024

12. Nombor Siri

NPRA(R2/1)231023/1164